

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK SERI PANGLIMA
HAJI ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH
[KALABAKAN]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2016

SOALAN :

YB Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan] minta PERDANA MENTERI menyatakan dalam pembentukan Persekutuan Malaysia (Federation Of Malaysia) pada tahun 1963:-

- (a) apakah benar bahawa Sabah (North Borneo pada masa itu) telah dijemput untuk membentuk negara Malaysia bersama-sama dengan Sarawak, Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu, sebagai satu negara berdaulat bukan sebagai antara negeri-negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu; dan

(b) jika demikian, apakah ini bermakna semenjak penubuhannya pada tahun 1963, Malaysia telah terbentuk atas gabungan 3 negara masing-masing Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak (dahulu 4 negara sebelum Singapura keluar) dan bukan gabungan 14 negeri.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bolehlah disimpulkan bahawa, kecuali di perenggan 237 Laporan Cobbold yang menyatakan bahawa pembentukan Malaysia sebagai “an association of partners”, tiada dokumen-dokumen sejarah yang lain yang menyokong konsep pembentukan Persekutuan Malaysia adalah berteraskan kepada konsep “partnership” di antara Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan (Singapura).

Perenggan 237 Laporan Cobbold ini tidak boleh dijadikan asas bagi membuktikan kedudukan Sabah dan Sarawak sebagai “partners” dalam pembentukan Malaysia. Ini adalah kerana Laporan Cobbold merupakan cadangan yang dikemukakan oleh suatu Suruhanjaya yang dilantik bagi maksud pembentukan Malaysia dan bukanlah merupakan dokumen muktamad (*final document*) dan mengikat yang menggariskan persetujuan-persetujuan muktamad yang telah dipersetujui di antara Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan (Singapura) pada ketika itu.

Dokumen-dokumen yang mengikat dan mempunyai kuat kuasa undang-undang bagi maksud ini adalah Perjanjian Malaysia 1963 yang hendaklah dibaca bersama dengan peruntukan-peruntukan dalam Laporan IGC serta Akta Malaysia 1963.

Dalam hal ini, terma yang digunakan dalam Laporan IGC, Perjanjian Malaysia 1963 dan Akta Malaysia 1963 bagi maksud menggambarkan

konsep asas pembentukan Persekutuan Malaysia ialah “federation” seperti yang berikut:

(i) Perenggan 10 Laporan IGC:

“10. The Federation will consist of the States of the existing Federation of Malaya, Sabah (at present known as North Borneo), Sarawak and Singapore”

(ii) Artikel 1 Perjanjian Malaysia 1963:

“The Colonies of North Borneo and Sarawak and the State of Singapore shall be federated with the existing States of the Federation of Malaya as the States of Sabah, Sarawak and Singapore...”

(iii) Mukadimah Akta Malaysia 1963:

“Whereas on behalf of the Federation it has been agreed, among other things, that the British colonies of North Borneo and Sarawak and the State of Singapore shall be federated with the existing States of the Federation as the States of Sabah, Sarawak and Singapore, and that the name of the Federation should thereafter be Malaysia.....”

Oleh yang demikian, Kerajaan Persekutuan berpandangan bahawa pembentukan “Malaysia” pada tahun 1963 dibuat berdasarkan konsep

“federation” yang mengikutnya kesemua Negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak merupakan entiti yang sama tarafnya dan telah bersekutu untuk membentuk Malaysia.

Keistimewaan tertentu yang diperuntukkan kepada Sabah dan Sarawak di bawah Perlembagaan Persekutuan adalah bagi menghormati dan melaksanakan perjanjian-perjanjian yang telah dipersetujui dan dimeterai di antara Kerajaan Britain dengan Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura pada tahun 1963 (Perjanjian Malaysia 1963) khususnya.

Sekian, terima kasih.